

# MPP, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS anjur Mini Sprint Triathlon

NSJ 19.5.17 23

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY

**KOTA KINABALU:** Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat pertama kalinya telah menganjurkan UMS Mini Sprint Triathlon, di sini baru-baru ini.

Pertandingan yang melibatkan tiga disiplin iaitu renang, berbasikal dan berlari itu bermula dari pantai Outdoor Development Centre (ODEC) seawal jam 6.30 pagi dan berakhir di Stadium UMS.

Seramai 85 orang peserta telah mendaftarkan diri bagi dua kategori (terbuka lelaki dan terbuka wanita) itu yang turut disertai beberapa atlet elit Sabah yang pernah bertanding di peringkat antarabangsa.

Jarak yang perlu dilalui para pe-

serta adalah berenang sejauh 250 meter, berbasikal sejauh 10 kilometer dan berlari sejauh 2.5 kilometer, dimana acara dimulai dengan pelepasan kumpulan elit diikuti kumpulan amatir, 40 minit kemudian.

Kategori Terbuka Lelaki telah dimenangi oleh pemenang tempat ke 10 Penang International Triathlon Duathlon 2017 bulan lepas, Amir Hassan Zainal dengan catatan masa 38 minit 3 saat.

Manakala tempat kedua menjadi milik Johnie Ngongoloy dengan catatan masa 42 minit 33 saat sementara tempat ketiga disandang oleh Bonaventure George dengan masa tercatat 43 minit 31 saat.

Bagi kategori Terbuka wanita pula Jierawatie Haris muncul juara dengan catatan masa 49 minit 54 saat dan diikuti oleh Sandi James dengan mencatat masa 50 minit 25 manakala

tempat ketiga dimenangi oleh Bianca L. Tungula yang mencatat 1 jam 6 minit.

Pelajar UMS yang berjaya mencatat masa terbaik ialah Alfonso Robert dengan rekod peribadinya 45 minit 33 saat untuk muncul di tempat ke-4, manakala Dr Nizam mencatat masa 47 minit 52 sebagai kakitangan lelaki UMS terbaik, dan mendapat tempat kelima, manakala Sandi James merupakan staf wanita UMS yang mencatat masa terpanjang.

Jawatankuasa penganjur turut mendapat khidmat nasihat daripada Penyarah Sains Sukan UMS, Kol. (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin yang turut memberi sokongan dengan menyertai pertandingan julung kali diadakan itu.

Pengarah kejohanan itu Cherilyn Teo Jia Ling yang juga Exco Kebajikan dan Khidmat Mahasiswa

MPP, berkata, menerusi pembabitan aktif pelajar dan orang luar ke dalam sukan itu, para pelajar dapat berkomunikasi dan bersosial secara lebih sihat pada masa akan datang.

Cherilyn yang ditemui selepas acara penyampaian hadiah, memberitahu, usaha penganjuran acara berkenaan telah mengumpulkan semula peminat sukan Triathlon setelah sekian lama pertandingan serupa itu tidak dianjurkan.

"Jawatankuasa penganjur akan menjadikan pertandingan ini sebagai pertandingan bulanan bagi menarik lebih ramai peserta dan memberikan peluang para atlet Triathlon menguji kemampuan mereka masing-masing," katanya.

Beliau turut dibantu oleh pelajar antarabangsa UMS dari Jerman, George Lukas selaku pengarah teknikal tersebut.



UNTUK KENANGAN...Sesi bergambar para peserta sebelum acara renang bermula.